



Program imunisasi Tahun 8 – penerangan untuk ibu bapa

Mengapa penting menjalani imunisasi?

Imunisasi melindungi kita daripada penyakit berjangkit yang membawa risiko tinggi penyakit yang serius, kecacatan dan kematian. Vaksin mencetuskan tindak balas imun yang melindungi kita apabila bertemu lagi dengan penyakit itu di alam sekitar.

Semua vaksin yang kini terdapat di Australia mesti lulus ujian keselamatan yang ketat sebelum dibenarkan. Vaksin dipantau secara berterusan untuk memastikan keselamatan dan keberkesanannya. Baca lebih lanjut tentang keselamatan vaksin serta kesan sampingan yang lazim dan yang jarang berlaku: healthywa.wa.gov.au/immunisation

Program imunisasi Tahun 8

Di Australia, pelajar Tahun 8 ditawarkan vaksin percuma melalui Program Imunisasi Negara untuk melindungi mereka terhadap:

- Difteria
- Tetanus
- Pertusis (batuk kokol)
- Papilomavirus manusia (HPV).

Penerangan lanjut tentang penyakit-penyakit ini dan vaksin untuk mencegahnya dapat dibaca di: healthywa.wa.gov.au/immunisation

Apa yang anda perlu lakukan

Anda diberikan pek keizinan imunisasi ini melalui program sekolah Tahun 8 anak anda. Pek ini mengandungi penerangan dan borang izin.

Sebagai ibu bapa atau penjaga, anda dikehendaki supaya:

- baca borang izin dan helaian fakta vaksin yang terlampir dengan teliti, serta layari healthywa.wa.gov.au/immunisation atau hubungi jururawat sekolah anda untuk penerangan lanjut
- tandakan kotak merah atau hijau dalam borang izin, untuk menyatakan vaksin mana yang anda izinkan dan tidak izinkan, kemudian tandatangi ruang yang disediakan
- nyatakan dalam borang izin itu apa-apa masalah perubatan yang boleh menjejaskan reaksi anak anda terhadap imunisasi.
- kembalikan borang yang lengkap kepada sekolah, **walaupun anda tidak mengizinkan imunisasi.**

Anda mungkin dihubungi oleh jururawat jika mereka memerlukan maklumat lanjut.

Pelajar dengan borang yang lengkap dan ditandatangani sahaja akan diberikan imunisasi.

Jika anak anda tidak menerima imunisasi pada hari berkenaan, anda akan dimaklumkan, dan pilihan imunisasi yang lain akan ditawarkan.

Sebelum anak anda diberikan vaksin

Penyakit ringan dan biasa, seperti selesema disertai demam ringan, seharusnya tidak menangguhkan imunisasi. Namun, dalam hal tertentu, disyorkan supaya imunisasi ditunda atau tidak diberikan, kerana masalah perubatan. Maklumkan kepada jururawat imunisasi atau pihak sekolah jika anak anda:

- pernah mengalami reaksi teruk setelah imunisasi dahulu
- pernah mengalami alahan (alergi) teruk sehingga imunisasi tidak digalakkan
- telah menerima vaksin hidup dalam masa sebulan lepas (misalnya, tuberkulosis, campak, demam kuning)
- telah menerima suntikan imunoglobulin atau pemindahan darah seluruh dalam masa tiga bulan lalu
- menghidap penyakit yang mengurangkan imuniti (misalnya, leukemia, kanser, HIV/AIDS) atau menjalani rawatan yang mengurangkan imuniti (misalnya, ubat steroid seperti hidrokortison atau prednisolon, radioterapi, kemoterapi)
- hidup bersama orang yang menghidap penyakit yang mengurangkan imuniti atau menjalani rawatan yang mengurangkan imuniti
- tidak sihat pada masa imunisasi itu.

Penjagaan setelah imunisasi

Tempat suntikan mungkin merah dan bengkak – tekapkan kain lembap yang dingin.

Mungkin ada rasa sakit, demam, sakit kepala atau keletihan. Jika sakit kepala dan kesakitan, berikan paracetamol seperti yang diarahkan pada label. Jika demam berterusan, berjumpalah dengan doktor anda.

Layari healthywa.wa.gov.au/immunisation untuk penerangan lanjut tentang kesan sampingan yang lazim dan yang jarang berlaku terhadap vaksin.

Segera berjumpa doktor jika terdapat reaksi yang anda fikir serius atau tidak dijangka.

Semua penyedia imunisasi di WA wajib melaporkan reaksi buruk setelah imunisasi. Ibu bapa juga boleh melaporkan kebimbangan tentang reaksi serius setelah imunisasi, sama ada di wavvs.health.wa.gov.au, atau dengan menelefon 9321 1312, Klinik Imunisasi Pusat.

Rekod imunisasi

Setelah imunisasi, pelajar akan menerima rekod vaksin yang diterima.

Semua vaksin yang diberikan melalui program sekolah akan dicatatkan dalam Daftar Imunisasi Australia (AIR).

Di samping itu, imunisasi HPV dicatatkan dalam Daftar HPV Negara: hpvregister.org.au

Hubungi

Klinik Imunisasi Pusat (Central Immunisation Clinic)

Telefon: 9321 1312, 8.30pagi– 4.30ptg
Isnin-Jumaat

Doktor setempat anda

Pusat kesihatan masyarakat, hospital, atau unit kesihatan awam setempat

healthywa.wa.gov.au/publichealthunits

healthdirect Australia

Telefon: 1800 022 222

Penerangan lanjut

Jabatan Kesihatan (Department of Health)

healthywa.wa.gov.au/immunisation

Program Imunisasi Australia (Immunise Australia Program)

1800 671 811 atau immunise.health.gov.au

Dokumen ini boleh disediakan dalam format alternatif untuk orang kurang upaya.

Diterbitkan oleh Communicable Disease Control Directorate
© Department of Health 2017
Hak cipta bagi bahan ini dimiliki oleh Negeri Australia Barat kecuali dinyatakan sebaliknya. Selain urusan adil untuk kajian, penyelidikan, kritikan atau ulasan perseorangan, sebagaimana dibenarkan di bawah peruntukan *Copyright Act 1968*, dilarang menerbitkan semula atau menggunakan semula mana-mana bahagian bahan ini untuk apa-apa tujuan tanpa kebenaran bertulis Negeri Australia Barat.